

# Jual hasil kampung jana pendapatan

Mendapat permintaan tinggi daripada penduduk sekitar

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

**Kuala Selangor:** Bermula dengan hobi memelihara ayam ketika berusia 16 tahun akhirnya mendorong Muhammad Umar Hashim, 23, untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan pada usia muda dalam bidang pertanian.

Dibesarkan di kampung, pelajar jurusan Pendidikan Sains Pertanian, Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Umar sering menemani ayahnya yang mengusahakan kebun kelapa sawit dan kelapa.

Apabila meningkat dewasa dan masuk ke alam universiti, hobinya bertukar daripada memelihara ayam ke penanaman pokok yang hasilnya dapat dijual dan kini menjadikan beliau usahawan muda yang berjaya.

“Saya menanam pokok bunga dan tanaman keperluan harian seperti limau kasturi, buah kedondong, mangga dan limau bali.

“Saya membesar se-

bagai anak kampung yang sudah biasa memelihara ayam dan juga mengikut ayah ke kebun kelapa sawit dan kelapa.

“Apabila meningkat dewasa, saya terus mencari ilmu baharu dalam pertanian dan Alhamdulillah bukan sahaja berjaya menempatkan diri sebagai pelajar jurusan berkaitan tetapi berpeluang untuk berniaga secara kecil-kecilan biarpun masih menyambung pengajian,” katanya.

Muhammad Umar mengakui perniagaan itu sangat menguntungkan dan mendapat permintaan tinggi yang pada awalnya dibeli oleh saudara mara, penduduk kampung dan kini tersebar luas kepada penduduk sekitar Selangor.

“Pada masa sama, usaha saya dalam perniagaan ini dapat membantu orang lain seperti jiran di kampung dan rakan universiti untuk mencari sumber pendapatan harian mereka.

“Saya turut memelihara ikan talapia merah dan membuat produk kraf tangan daripada bahan terpakai seperti produk replika rumah kayu, pasu bunga, bunga raya dan tanglung,” katanya.

Tidak terlepas m e n g h a d a p i cabaran dalam perniagaan, anak sulung daripada tiga adik-beradik itu mengakui modal terhad antara kekangan untuk men-



**Muhammad Umar** turut menanam pokok bunga dan tanaman keperluan harian untuk dijual.

gembangkan perniagaannya.

“Selain modal, saya juga menghadapi masalah kekangan masa kerana perlu membahagikan masa antara pelajaran dengan perniagaan.

“Namun saya tidak mudah menyerah kalah kerana percaya setiap cabaran dan halangan itu adalah ujian kepada saya untuk menjadi seorang yang lebih kuat pada masa hadapan”.

“Cabaran ini, tidak langsung mematahkan semangat saya untuk terus maju dan bersaing dengan peniaga di luar sana dan akan terus berfikir secara positif serta pandang ke hadapan bagi mencapai matlamat,” katanya.



**Antara kraftangan** daripada bahan terpakai yang dijual Muhammad Umar.